

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
25 APRIL 2021
AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
MINGGUAN MALAYSIA	JAS PERLU LAKUKAN SIASATAN SEGERA	2
SUNDAY STAR	SG KIM KIM CAN STILL BE SAVED, SAYS MNS CHIEF	3
BERITA HARIAN	KUALITI AIR SUNGAI KIM KIM BOLEH DISELAMATKAN	4



MINGGUAN MALAYSIA

Mingguan Malaysia

JAS perlu lakukan siasatan segera

PASIR GUDANG: Jabatan Alam Sekitar (JAS) diminta melakukan siasatan segera berhubung laporan Sungai Kim Kim, di sini yang mengandungi kandungan bakteria Escherichia Coli atau E. coli yang tinggi sehingga boleh memudaratkan kesihatan manusia.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, perkara itu serius kerana ia boleh menjejaskan kesihatan penduduk terutama yang tinggal atau berada berhampiran sungai terabit.

"Walaupun belum ada laporan rasmi daripada JAS sama ada benar atau tidak, kandungannya beracun (E.coli tinggi), tetapi, saya mengambil berat terhadap perkara ini.

"Sebab ada sejarah pernah berlaku sebelum ini, jadi, saya minta JAS berterus-terang dalam hal ini sama ada Sungai Kim Kim beracun atau tidak.

"Kalau benar beracun, ini berbahaya kerana boleh menjadi toksik beracun yang naik ke udara seperti yang terjadi dahulu," katanya ketika diminta mengulas laporan *Mingguan Malaysia* berhubung keadaan Sungai Kim Kim yang dilaporkan sejak Isnin lalu.

Terdahulu, Hassan yang juga bekas Pengerusi PKR Johor melakukan lawatan ke Pasar Kip Mart Masai bagi meninjau harga barangan kawalan yang dikuat kuasakan menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan harapan penduduk di sekitar Pasir Gudang yang mahu kerajaan dapat mengambil semua langkah yang sewajarnya bagi memastikan tahap keselamatan dan kesejahteraan mereka yang menetap di bandar perindustrian itu untuk tempoh jangka panjang terjamin.



SUNDAY STAR

Sunday Star

Sg Kim Kim can still be saved, says MNS chief

Sunday 25/4/21

JOHOR BARU: The water quality of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang here, which is said to be very polluted can still be saved and returned to Class One, says Malaysian Nature Society (MNS) president Prof Dr Ahmad Ismail.

He said it would, however, require the state government, through the relevant authorities, to take immediate action to prevent further pollution in the river.

Industrial effluent and sewage waste are still being discharged into the river, he said.

"This needs to be resolved first. Stop the effluent input that is causing the pollution because as long as pollution is in the river, the problem can never be solved.


"Therefore, the authorities need to refer to the experts to carry out rehabilitation programmes of the river because it is still not too late," he said in response to a recent newspaper report on Sungai Kim Kim water quality which is said to be categorised as Class V - the most contaminated and not suitable for use.

Ahmad said the disposal of chemical waste from factories should be done at designated locations only in accordance with existing rules and standard operating procedures.

"Efforts to rehabilitate polluted rivers require high costs and will take a long time, but we must have targets. At the same time, research must continue and Sungai Kim Kim can be a model in future," he said.

Johor Department of Environment (DOE) director Mohd Famey Yusoff said the results of laboratory tests on water samples from Sungai Kim Kim depended on the location where the samples were taken as each location would produce different findings.

"There are many factors that can affect the rate of biochemical oxygen demand (BOD) and ammonia of the water samples taken, including environment, whether it is near



Water is life: Discarded barrels on the banks of Sungai Kim Kim in this file photo. Dr Ahmad believes the river can be saved if effluent input is halted.

industrial areas, housing or public facilities such as markets, as well as the weather," he said.

He said Johor DOE carried out sampling six times a year at two locations in Sungai Kim Kim and the findings showed the BOD rate in the affected areas was influenced by organic pollutants and ammonia, which were usually from sewage.

"Therefore, all quarters have to work together, take a stand and play their respective roles in conserving water resources.

"Most important is the cooperation from those responsible for discharging industrial effluent and wastewater into Sungai Kim Kim.

"If the amount of discharge into the river can be reduced, Sungai Kim Kim can be restored," said Mohd Famey. — Bernama



BERITA HARIAN

BERITA HARIAN - AHAD
25/4/21 - m-s 6

Kualiti air Sungai Kim Kim boleh diselamatkan

Johor Bahru: Kualiti air Sungai Kim Kim di Pasir Gudang di sini yang didakwa tercemar sehingga boleh membahayakan hidupan akuatik dan manusia kesan daripada pencemaran, masih boleh diselamatkan.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata usaha itu bagaimanapun memerlukan kerjasama segera kerajaan negeri dan pihak berkuasa berkaitan, khususnya bagi memastikan masalah pencemaran tidak berulang.

MNS, katanya, mengenal pasti pelepasan efluen perindustrian dan air kumbahan dari kawasan petempatan sebagai punca utama pencemaran sungai itu perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Hentikan input efluen yang menyebabkan pencemaran kerana selagi ada input pencemaran ke dalam sungai, selagi itulah masalah tidak akan selesai. Justeru, pihak berkuasa perlu merujuk kepada pakar berkaitan untuk program pemulihan sungai yang tercemar kerana ia masih

belum terlambat," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar tempatan baru-baru ini, mengenai kualiti air Sungai Kim Kim yang dikategorikan dalam Kelas V, iaitu paling tercemar dan tidak sesuai untuk sebarang kegunaan.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pembuangan sisa bahan kimia dari kilang atau industri seharusnya dilakukan di lokasi yang dikhaskan dengan mengikut peraturan serta prosedur operasi standard sedia ada.

"Tidak dinafikan, usaha pemu-

lihan sungai yang tercemar memerlukan kos tinggi dan akan memakan masa yang lama, tetapi kita mesti mempunyai sasaran atau matlamat. Pada masa sama, kita mesti terus membuat kajian. Saya yakin dengan usaha ini, suatu hari nanti Sungai Kim Kim pasti boleh menjadi model untuk masa depan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusoff ketika dihubungi, berkata keputusan ujian pensampelan pencemaran

air Sungai Kim Kim bergantung pada lokasi sampel air diambil kerana setiap lokasi akan menghasilkan dapatan berbeza.

"Banyak faktor yang boleh mempengaruhi kadar Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan ammonia sampel air di setiap sungai termasuk persekitarannya seperti terdapat kawasan perindustrian, perumahan atau kemudahan awam seperti pasar yang berhampiran dengan sungai serta keadaan cuaca," katanya.

BERNAMA

